



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPRESI DIRI DALAM LUKISAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

KHALIJAH BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

(KHALIJAH BINTI AHMAD)
M20041000293



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Buat Suami Tercinta Abd. Manaf Bin Ishak

Terima kasih tidak terhingga di atas dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di peringkat Sarjana ini

Buat Anak-anak yang Amat Disayangi

Luqmanulhakim dan Nur Amirah

Buat Ibu dan Bapa serta Mertua

Terima kasih di atas pengorbanan dan sokongan

Penyelia

Encik Mohd. Noor bin Mustaffa

Terima kasih di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penulisan ini



Pensayarah-Pensyarah

Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Prof. Madya Zulkifli Yusoff, Prof. Madya Haji Iberahim Hassan, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, , Prof. Madya Dr. N.S. Rajendran, Prof. Madya Dr. Osman Lebar, En. Ruskang Jailani dan En. Hassan Mohd Ghazali

Terima kasih di atas ilmu telah diberikan

Staf Fakulti Seni Muzik dan Pasca Siswazah UPSI

Saudara Mara dan Rakan Seperjuangan

Terima kasih di atas pertolongan dan sokongan

Terima Kasih Semua

Jasa Kalian Tetap Di Kenang Sepanjang Hayat





ABSTRAK

EKSPRESI DIRI DALAM LUKISAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak prasekolah iaitu dengan melihat faktor-faktor yang mendorong kepada pembentukan ekspresi diri kanak-kanak di samping turut mengkaji bentuk, makna dan simbol. Kajian ini turut melibatkan 15 orang responden yang terdiri daripada kanak-kanak prasekolah Tabika KEMAS, Kepala Batas. Menerusi kajian literatur yang dijalankan, penyelidik telah mengklasifikasikan faktor dalaman dan luaran yang dianggap turut mempengaruhi pembentukan ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak prasekolah. Faktor dalaman seperti minat, kreativiti, emosi, latar belakang dan pengalaman manakala faktor luaran pula terdiri daripada aspek persekitaran, kemudahan asas bilik darjah, proses pengajaran dan pembelajaran, guru dan bahan. Pada keseluruhanya kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kajian kes iaitu dengan menggunakan teknik pemerhatian dan temubual. Penyelidik juga turut menggunakan kaedah tinjauan melalui set soal selidik bagi mendapat maklumat mengenai latar belakang dan persekitaran tempat tinggal responden. Analisis data secara interpretasi diskriptif digunakan dalam kajian ini bagi menjelaskan seberapa tepat yang mungkin tentang apa yang dikaji serta menstukturkan semula data dalam bentuk realiti yang mudah difahami oleh pembaca. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perkaian antara kedua-dua faktor ini dengan pembentukan ekspresi diri seseorang kanak-kanak, manakala bentuk yang dihasilkan dalam lukisan dapat memberi makna yang pelbagai berdasarkan pemahaman penghayat itu sendiri. Hasil kajian menunjukkan bahawa simbol yang lazim digunakan oleh kanak-kanak prasekolah adalah berasaskan objek yang berada di sekeliling mereka. Implikasi daripada kajian mendapati bahawa kanak-kanak diperingkat prasekolah seharusnya di beri kebebasan selain daripada sokongan, motivasi dan sebagainya bagi meransangkan kreativiti ekspresi mereka dalam menghasilkan karya.





ABSTRACT

SELF EXPRESSION IN PRE-SCHOOL CHILDREN'S ART

The main objective of this research is to study self expression in pre-school children's art, that is to investigate the factors that encourage the formation of self expression in a child besides to study the common forms, meanings and symbols. This research includes 15 respondents consisting of pre-schoolers from the KEMAS Pre-School (Tadika KEMAS) in Kepala Batas. Through literature review, the researcher has classified the internal and external factors which are considered to be influential factors in the formation of self expression in pre-school children's art. The internal factors are interest, creativity, emotion, background and experience, whereas, the external factors comprises aspects such as environment, classroom facilities, teaching and learning process, teachers and materials. On the whole, this research uses the qualitative approach through a case study using observations and interviews. The researcher also uses the technique of survey through a questionnaire to obtain information about the background and living environment of respondents. Data analysis by descriptive interpretation is used in this research to explain this study in as detailed as possible, besides restructuring data into reality form in order for readers to understand. Research results show that there is a relationship between both factors with the formation of self expression in a child, whereas, shapes formed in drawings give different meanings to an artist's interpretation. Apart from that, research results also show that common symbols used by children in pre-school are based on objects around them. The implication of this study is children at pre-school level should be given freedom besides support, motivation and others to stimulate creativity in their self expression in producing art.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.5.1 Pihak Guru	7
1.5.2 Pihak Ibu Bapa	8
1.5.3 Masyarakat	8
1.5.4 Penyelidik Lain	9
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Definisi	10
1.7.1 Singkatan dan Istilah	10
1.7.2 Definisi Istilah	10
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	13
2.1 Literatur Berkaitan	15
2.2 Kerangka Konsepsual	17
2.2.1 Konsep Ekspresi	17
2.2.2 Faktor Dalaman	18
2.2.2.1 Minat	18
2.2.2.2 Pengalaman	20
2.2.2.3 Latar Belakang	21
2.2.2.4 Kreativiti	22
2.2.2.5 Emosi	23
2.2.3 Faktor Luaran	25
2.2.3.1 Persekutaran	25
2.2.3.2 Guru	26





2.2.3.3	Proses P & P	27
2.2.3.4	Bahan	28
2.2.3.5	Kemudahan Asas Bilik Darjah	30
2.3	Rumusan Kerangka Konsepsual	31

BAB 3

	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	32
3.1	Reka Bentuk Kajian	32
3.2	Popularasi Kajian	33
3.3	Persempelan	34
3.4	Lokasi Kajian	34
3.5	Alat Kajian	35
3.5.1	Pemerhatian	35
3.5.2	Temubual	36
3.5.3	Soal Selidik	36
3.6	Prosedur Kajian	38
3.7	Pengumpulan dan Analisis Data	38
3.8	Kesimpulan	39

BAB 4

	DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN	
4.0	Pengenalan	40
4.1	Dapatan Kajian	41
4.1.1	Latar Belakang Sampel Kajian	41
4.1.2	Persekutaran	42
4.1.3	Kemudahan Asas Bilik Darjah Prasekolah	44
4.1.4	Temubual Bersama Guru T1 dan T2	45
4.1.5	Pemerhatian Ke Atas Akitiviti Melukis Yang Dikendalikan Oleh Guru T1	53
4.1.6	Pemerhatian Ke Atas Akitiviti Melukis Yang Dikendalikan Oleh Guru T2	58
4.2	Analisis data	62
4.2.1	Analisis latar Belakang Sampel Kajian	62
4.2.2	Analisis Persekutaran Kediaman	64
4.2.3	Analisis Kemudahan Asas Bilik Darjah	66
4.2.4	Analisis Hasil Dapatkan Temubual Bersama Guru T1 dan T2	66
4.2.5	Analisis Hasil Daripada Pemerhatian Ke Atas Aktiviti Melukis	69
4.2.6	Analisis Terhadap Lukisan Sampel Kajian	70
4.2.7	Analisis Bentuk dan Makna Dalam Lukisan Kanak-Kanak Prasekolah	73
4.2.8	Analisis Simbol Dalam Lukisan Kanak-Kanak	76
4.3	Kesimpulan	80





BAB 5	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	
5.0	Pengenalan	81
5.1	Ringkasan Kajian	81
5.2	Rumusan dan Kesimpulan	82
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	96
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	97
 SENARAI RUJUKAN		 99
 LAMPIRAN		
LAMPIRAN I	Jadual Perlaksanaan Pengumpulan Data	
LAMPIRAN II	Illustrasi/Gambar	
LAMPIRAN III	Soalan Soal Selidik	
LAMPIRAN IV	Surat Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Ke Atas Karya Responden	
LAMPIRAN V	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan Daripada KEMAS Parliment Kubang Pasu	





SENARAI JADUAL

3.1	Taburan Set Soal Selidik	36
4.1	Tahap Pendidikan Ibu Bapa	40
4.2	Pendapatan Sebulan	40
4.3	Saiz Keluarga	41
4.4	Hobi	41
4.5	Lokasi Kediaman	42
4.6	Status Kediaman	42
4.7	Kemudahan Dalam Premis Kediaman	42
4.8	Kemudahan Asas Bilik Darjah	43
4.9	Analisis Tema dan Simbol Dalam Lukisan Kanak-kanak	79



SENARAI GAMBAR

4.1	Aktiviti Melukis Dijalankan Dalam Kumpulan Yang Telah Dibentuk	69
-----	--	----

SENARAI ILUSTRASI

4.1	Tema dan Idea Digarap berdasarkan Persekutaran, Emosi dan Pengalaman	72
4.2.	Penggunaan Unsur dan Prinsip Rekaan Dalam Mengutarakan Bentuk Bagi Menyampaikan Makna	76
4.2	Penciptaan Simbol Melalui Pengamatan Kanak-kanak Terhadap Objek Di Persekutaran	77

SENARAI RAJAH

3.1	Kerangka Konsepsual	30
-----	---------------------	----





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Aktiviti melukis merupakan salah satu cara untuk mengenali watak dan peribadi seseorang kanak-kanak. Nancy *et al.*, (2003) menyatakan bahawa dari segi psikologi, watak dalaman dan emosi kanak-kanak dapat dilihat dengan jelas melalui imej, gaya dan olahan artistik menerusi lukisan mereka. Walaubagaimanapun kanak-kanak mempunyai tahap artistik yang berbeza mengikut peringkat umur yang tertentu. Kemampuan kreatif seseorang kanak-kanak akan berkembang dengan baik bermula dari usia empat tahun ke atas. Pada peringkat ini kanak-kanak mula mengaplikasikan objek yang berada di sekeliling mereka atau berdasarkan pengalaman peribadi untuk diterjemahkan melalui gambaran visual.

Pada dasarnya kajian yang berkaitan dengan lukisan kanak-kanak telah banyak dijalankan. Penyelidikan mengenai lukisan kanak-kanak telah bermula sejak tahun 1800 lagi. Antaranya seperti Herbert Spencer (1859), John Ruskin di dalam bukunya yang bertajuk *The Elements of Drawing* yang diterbitkan pada tahun 1857, jurnal yang ditulis oleh Ebenzer Cook antara tahun-tahun 1885 hingga 1886, juga artikel yang ditulis oleh



kemudiannya diteruskan oleh (Stern, 1924; Koffka, 1928; Piaget, 1929; Cizek, 1897 – 1938; Lowenfeld, 1939; Golberg, 1997). Namun demikian, kajian terhadap lukisan kanak-kanak ini masih lagi diberi perhatian hingga ke hari ini. Ini adalah kerana hasil daripada penemuan, pendapat dan teori yang diperolehi daripada penyelidikan, boleh dijadikan sebagai panduan kepada guru-guru serta ibu bapa untuk membantu mempertingkatkan kualiti, teknik dan persesembahan dalam lukisan kanak-kanak.

Kanak-kanak mula diperkenalkan dengan pengajaran lukisan secara formal sejak di peringkat prasekolah lagi. Ini adalah kerana lukisan merupakan salah satu bidang yang terkandung di dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Namun demikian, kandungan pengajarannya adalah lebih tertumpu kepada proses perkembangan kognitif kanak-kanak. Dengan adanya pengajaran lukisan secara formal dan tersusun ini, secara tidak langsung akan dapat membantu mempertingkatkan keupayaan kreatif, kritis dan imaginatif seseorang kanak-kanak. Menurut Mazlan (1996), aktiviti melukis merupakan minat semulajadi seseorang kanak-kanak. Jadi, tidak hairan sekiranya kanak-kanak di peringkat prasekolah ini mampu menghasilkan pelbagai bentuk lakaran yang mempunyai makna tertentu.

Kecenderungan menghasilkan pelbagai jenis lakaran dan lukisan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada kanak-kanak di peringkat ini meluahkan ekspresi diri mereka untuk dikongsi bersama dengan orang lain. Ekspresi diri yang diluahkan menerusi lukisan ini, boleh dijadikan sebagai diagnosis untuk mendalami emosi seseorang kanak-kanak di samping turut membantu memperkembangkan kemahiran kreatif yang ada di dalam diri mereka. Selain daripada itu ekspresi diri melalui lukisan juga turut memberi peluang kepada kanak-kanak di peringkat ini mempertajamkan lagi daya persepsi dan pengetahuan estetik mereka terhadap sesuatu perkara dan diterjemahkan semula ke dalam bentuk tampak yang mudah difahami.





Ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak juga boleh dijadikan sebagai landasan kepada minat, kecenderungan, pencapaian dan hala tuju di samping turut mendorong seseorang kanak-kanak itu untuk berfikir secara sistematik dan lebih tersusun. (Iberahim Hassan, 2005)

Namun demikian, gaya dan olahan mereka masih ringkas, tanpa mengambil kira konsep gubahan yang sebenar. Dari segi psikologi, kanak-kanak peringkat ini masih terhad untuk berkomunikasi secara lisan terutamanya dari segi pertbaharaan kata. Oleh yang demikian, aktiviti melukis ini memberi peluang kepada mereka untuk melahirkan idea secara bebas.

Piaget dalam Shahabuddin *et al.* (2003), menyatakan bahawa komunikasi kanak-kanak menerusi bahasa tampak seperti lukisan boleh memberi peluang kepada mereka untuk berekspresi secara bebas mengikut kemampuan kreatif yang ada di dalam diri mereka.



Lazimnya kanak-kanak di peringkat prasekolah banyak mengaplikasikan imej-imej yang ada di sekeliling dan persekitaran mereka semasa menghasilkan karya. Penghasilan lukisan ini juga dapat memberi kepuasan kepada kanak-kanak, malah kepuasan yang tercipta ini juga boleh membantu kepada perkembangan positif domain kognitif, efektif dan psikomotor kanak-kanak tersebut. (Dinmack, 1964)

Lukisan kanak-kanak prasekolah adalah bersifat ringkas, mudah dan telah melalui proses pemujaraban, namun ianya masih dapat menyampaikan mesej dengan berkesan. Kanak-kanak perlu diberi peluang dan galakkan untuk meluahkan ekspresi diri mereka terhadap sesuatu perkara melalui aktiviti melukis kerana aktiviti ini akan dapat membantu meringankan beban emosi kanak-kanak di samping mempertingkatkan tahap persepsi dan intelektual mereka terhadap persekitaran. (Dinmack, 1964)

Kanak-kanak juga merupakan golongan yang hidup bermasyarakat dan saling berinteraksi dengan persekitaran mereka. Justeru itu, hasil daripada interaksi dengan ahli-





ahli dalam masyarakat ini akan membantu menjana idea dalam pengolahan figura manusia yang berkemungkinan ibu bapa, adik beradik, guru, rakan atau sesiapa sahaja menerusi lukisan yang dihasilkan. (Mulyadi, 1993)

Menerusi aktiviti melukis, kita boleh mendidik kanak-kanak untuk mengawal perasaan dan meluahkan ekspresi diri mereka secara lebih terkawal dan tersusun. Perasaan yang dimaksudkan di sini bukan melibatkan perasaan negatif sahaja seperti marah atau benci tetapi juga turut melibatkan perasaan yang halus, sepi, indah dan riang. Penyataan ini turut diperkuatkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Moholy Nagey (1947) terhadap perkaitan antara emosi kanak-kanak dan aktiviti melukis yang mana beliau mendapati bahawa cara yang terbaik untuk menghilangkan literasi emosi seseorang kanak-kanak ialah dengan melibatkan kanak-kanak tersebut dengan aktiviti seni seperti melukis.

Sebenarnya menerusi aktiviti melukis, seseorang kanak-kanak itu akan merasa lega, puas, melapangkan fikiran, menstabilkan perasaan dan juga dapat memberi ketenangan kepada mereka. Ini adalah kerana aktiviti melukis merupakan minat semula jadi kanak-kanak. Kecenderungan melukis atau menconteng bagi kanak-kanak di peringkat prasekolah ini adalah sama seperti kecenderungan mereka untuk makan, menangis dan marah.

Gardner dalam Mazlan (1996), mencadangkan agar orang dewasa menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk melakukan aktiviti seni tanpa disekat kerana kanak-kanak akan meluahkan apa yang mereka rasai dan mempunyai cerita tersendiri di sebalik setiap olahan yang dihasilkan.

Perkembangan kanak-kanak juga dapat dikesan menerusi perkembangan kerja-kerja seni mereka. Oleh yang demikian kita perlulah sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada mereka kerana aktiviti melukis bukan sahaja boleh memberi keseronokkan kepada kanak-kanak tetapi juga dapat membantu mereka menjadi lebih matang, berani dan yakin untuk menyatakan sesuatu.





1.2 Permasalahan Kajian

Keupayaan kanak-kanak di peringkat prasekolah dalam memberi makna kepada apa yang dilihat, sama ada berdasarkan pengalaman atau persekitaran kurang mendapat perhatian terutamanya oleh golongan dewasa. Malah, ada yang berpendapat bahawa aktiviti melukis ini kurang memberi faedah kepada kanak-kanak berbanding dengan aktiviti yang melibatkan komputer. Akibatnya, kanak-kanak dibiarkan sendirian tanpa bimbingan yang sewajarnya ketika menghasilkan lukisan.

Terdapat juga ibu bapa yang terlalu menyekat dan membataskan kehendak ekspresi kanak-kanak, iaitu dengan meminta kanak-kanak melukis mengikut kehendak dan citarasa mereka. Fenomena seperti ini juga boleh memberi tekanan emosi dan kesan negatif kepada perkembangan kreatif dan kognitif kanak-kanak, bahkan ianya turut menyekat kehendak dan kebebasan berekspresi mereka.



Iberahim Hassan (2000), menyatakan bahawa memenuhi keperluan kanak-kanak bukan sekadar memenuhi dada mereka dengan pengetahuan tetapi turut menjadi keutamaan untuk mendidik kanak-kanak supaya mempunyai keberanian dalam menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir secara kreatif, terbuka dan berani meluahkan perasaan dalaman (ekspresi diri) secara positif terutamanya menerusi seni tampak.

Penekanan kepada budaya intelek sahaja tidak memungkinkan kanak-kanak melahirkan idea yang baik malah ekspresi diri kanak-kanak juga tidak dapat diluahkan. Untuk menjadikan seseorang kanak-kanak itu seorang yang cemerlang dari aspek jasmani, rohani intelek dan emosi, guru dan pihak sekolah serta ibu bapa tidak seharusnya melihat perkembangan intelek sahaja tetapi, ekspresi diri kanak-kanak dalam apa juga cara harus dititikberatkan.

Menurut Cizek dalam Mazlan Mohamad (1996), daya kreativiti yang terdapat dalam diri seseorang kanak-kanak memerlukan jalan keluar untuk menyatakan ekspresi diri





mereka. Oleh yang demikian kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk melukis apa sahaja yang mereka tahu serta tentang apa yang mereka lihat iaitu melalui kaca mata mereka sendiri dan bukannya melukis berdasarkan kehendak dan pandangan orang lain.

Selain daripada itu Read (1956), berpendapat bahawa aktiviti melukis boleh mengurangkan bebanan perasaan seseorang kanak-kanak kerana aktiviti ini akan menimbulkan perasaan ceria, seronok dan kesenangan estetik kerana mereka dapat meluahkan apa sahaja yang mereka mahu. Menurut beliau lagi lukisan adalah hasilan tampak kanak-kanak yang diekspresikan dalam bentuk yang nyata dengan tujuan untuk memuaskannya.

Oleh yang demikian kanak-kanak ini perlulah diberi rangsangan, dorongan dan motivasi untuk meluahkan perasaan dalaman mereka dengan cara yang berkesan seperti melalui penghasilan lukisan. Ini adalah kerana melukis akan memberi peluang kepada orang lain untuk menghayati hasil karya kanak-kanak ini sama ada melalui penggayaannya atau melalui mesej yang ingin disampaikan oleh kanak-kanak.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada pembentukan ekspresi diri seseorang kanak-kanak semasa menghasilkan lukisan.
2. Melihat kesinambungan antara ekspresi diri kanak-kanak dengan bentuk dan makna dalam penghasilan lukisan.
3. Mengkaji simbol-simbol yang lazimnya digunakan untuk meluahkan ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak prasekolah.





1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan ekspresi diri seseorang kanak-kanak ketika menghasilkan lukisan?
2. Adakah bentuk dan makna turut mempengaruhi *mood* berekspresi dalam lukisan kanak-kanak?
3. Apakah simbol-simbol yang lazim digunakan oleh kanak-kanak dalam meluahkan ekspresi diri melalui lukisan?

1.5 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian diharap dapat menjadi garis panduan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan seni.



1.5.1 Pihak Guru

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak guru dalam menyediakan modul yang bersesuaian dalam aktiviti melukis kanak-kanak di peringkat prasekolah. Ini adalah kerana dengan penyediaan rancangan atau modul yang bersesuaian akan dapat mempertingkatkan perkembangan tampak seseorang kanak-kanak di samping memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan aktiviti dengan penuh minat dan dapat mengolah idea dengan lebih matang.

Menurut Read (1956), guru-guru tidak hanya mengajar kanak-kanak untuk mengetahui, sepatutnya pada masa yang sama turut mengajar kanak-kanak untuk mencipta. Ini adalah kerana setiap kanak-kanak mempunyai potensi untuk menjadi lebih kreatif dan produktif.





Hasil daripada penyelidikan ini juga diharap para guru dapat memberi perhatian, dorongan dan sokongan kepada pelajar untuk menghasilkan karya yang lebih berkualiti di samping dapat menggabungkan asas dan unsur seni reka di dalam hasil karya mereka. Keberkesanan pengajaran di peringkat awal akan menimbulkan minat yang mendalam di dalam diri kanak-kanak. Seterusnya dapat memberi peluang untuk membuktikan kemampuan kreatif mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memperdalamkan lagi mengikut jurusan di Institut Pendidikan Tinggi (IPT).

1.5.2 Pihak Ibu Bapa

Menerusi penyelidikan ini juga diharap ibu bapa akan dapat memberi penilaian yang positif kepada setiap hasil karya kanak-kanak di samping turut memberi dorongan, penghargaan, motivasi dan tunjuk ajar kepada kanak-kanak supaya mereka akan lebih berminat dalam melakukan aktiviti melukis.

Ibu bapa seharusnya mendidik kanak-kanak di peringkat ini supaya lebih positif dan berani meluahkan ekspresi diri mereka terhadap sesuatu perkara supaya dapat dikongsi bersama dengan orang lain. Ini adalah kerana aktiviti melukis ini juga boleh membantu ke arah kematangan seseorang kanak-kanak di samping turut membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor mereka.

1.5.3 Masyarakat

Kanak-kanak merupakan golongan yang istimewa dan perlu diberi perhatian sepenuhnya. Oleh yang demikian hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan pedoman kepada





masyarakat supaya sentiasa sensitif kepada setiap mesej yang cuba dipaparkan oleh kanak-kanak melalui lukisan mereka. Selain itu juga masyarakat mestilah menghargai hasil seni kanak-kanak kerana ianya akan membantu dalam membentuk generasi berkualiti dan mempunyai daya kreatif dan kritis yang tinggi.

1.5.4 Penyelidik Lain

Penyelidik-penyelidik yang ingin mendalami kajian yang hampir serupa boleh merujuk kepada hasil kajian ini sebagai panduan. Sebarang kekurangan yang terdapat dalam hasil kajian ini boleh diperbaiki dan dimurnikan.



1.6 Batasan Kajian

Kajian ini adalah mengenai ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak prasekolah dan terhad kepada beberapa batasan kajian, iaitu dari segi lokasi kajian, peringkat umur, popularasi dan sampel. Ianya dijalankan ke atas lukisan kanak-kanak prasekolah di Tabika KEMAS Kepala Batas, Kedah Darulaman dan melibatkan 15 orang sampel kajian yang terdiri daripada kanak-kanak yang berusia antara lima dan enam tahun.

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada faktor-faktor yang mendorong kepada pembentukan ekspresi diri, bentuk, makna dan simbol yang lazim digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dalam lukisan mereka.





1.7 Definisi

Terdapat beberapa konsep penting yang perlu dijelaskan supaya mudah difahami dan tidak timbul kekeliruan tentang maksud yang hendak disampaikan.

1.7.1 Singkatan dan Istilah

KEMAS - Kemajuan Masyarakat

IPT - Institut Pengajian Tinggi

SPM - Sijil Pelajaran Malaysia

BBM - Bahan Bantu Mengajar

1.7.2 Definisi Istilah

i. Ekspresi

Ekspresi menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) bermaksud melahirkan perasaan dengan gerak-geri atau lain-lain tanpa menonjolkan simbol yang berlebihan dan tanpa memperdulikan teknik persembahan.

Ekspresi juga boleh dertiakan sebagai luahan dalaman seseorang sama ada melalui perbuatan atau tindakan terhadap sesuatu perkara. Ekspresi di dalam bidang seni seperti lukisan ialah dengan menghasilkan gambaran atau ikon mengikut gaya dan pengolahan yang tersendiri supaya dapat dihayati oleh orang lain. Moholy Nagey (1947) berpendapat bahawa ekspresi dalam bidang seni tampak seperti lukisan juga dapat melegakan perasaan dan menghilangkan literasi emosi.

ii. Lukisan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998) lukisan bermaksud hasil melukis (gambaran atau keterangan) cerita, huraian dan lain-lain menggambarkan sesuatu hal atau perkara.

Lukisan juga merupakan satu perlambangan awal grafik kepada kanak-kanak bagi



memudahkan kefahaman dan pengukuhan sesuatu konsep terutamanya konsep asas dalam kehidupannya.

iii. Kanak-Kanak

Menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga) 2000, kanak-kanak boleh diertikan sebagai kumpulan budak lelaki dan perempuan yang berumur tidak melebihi tujuh tahun. Ini bermaksud bahawa kanak-kanak adalah golongan yang memerlukan perhatian dari segi kasih sayang, didikan, dorongan daripada orang yang lebih dewasa. Dalam situasi kanak-kanak prasekolah, mereka perlu diberi perhatian kerana pada peringkat ini merupakan peringkat permulaan mereka memulakan alam persekolahan.

iv. Prasekolah



Menurut Kamus Dewan Pelajar (1957), pra bermaksud awalan yang bermaksud sebelum sama ada berkaitan dengan zaman, masa, sekolah atau sebagainya. Manakala sekolah pula bermaksud bangunan atau tempat mengajar dan belajar atau tempat untuk mendapat ilmu.

Manakala menurut kamus Dewan, Edisi Ketiga (2000), pra bermaksud awal yang mempunyai persamaan dengan sebelum. Sekolah pula bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar yang terdiri daripada guru dan pelajar.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini adalah merumuskan tentang tujuan kajian yang mengkaji ekspresi diri dalam lukisan kanak-kanak prasekolah iaitu, dengan melihat faktor-faktor pendorong kepada pembentukan ekspresi diri, bentuk dan makna serta simbol yang lazimnya digarap oleh kanak-kanak prasekolah dalam lukisan mereka. Pada keseluruhannya dalam bab satu ini





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

12

menggambarkan tentang permasalahan kajian, tujuan rasional kajian, persoalan kajian, definisi istilah, di samping turut menghuraikan kepentingan kajian ini kepada ibu bapa dan guru khususnya serta masyarakat dan penyelidik lain amnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi